

	TEKUN NASIONAL	
	POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN TEKUN NASIONAL	
	Tarikh Kuat kuasa : 02/12/2022	No. Dokumen : JIPR/POLISI/03

POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN TEKUN NASIONAL

(NO ISU: 01/2022)

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	03/12/2022
Tarikh Edaran	03/12/2022
JAB. SISTEM & KAEDAH TEKUN	

DIPERAKUKAN	
MANCO BIL :	MP 25/2022
TARIKH :	12 DISEMBER 2022
PINDAAN :	-

DISEDIAKAN OLEH
JABATAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN RISIKO
TEKUN NASIONAL
NO. TELEFON : 03-9059 8844
E-MEL : integriti@tekun.gov.my

POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN TEKUN NASIONAL

1.0. PENGENALAN

- 1.1. Dari masa ke semasa TEKUN Nasional (TEKUN) menerima banyak surat sokongan daripada organisasi, pemimpin kerajaan atau individu berpengaruh atau mana-mana orang yang cuba untuk mempengaruhi sesuatu pertimbangan / keputusan berhubung apa-apa urusan TEKUN. Keadaan ini meletakkan warga kerja TEKUN dalam keadaan serba salah dan terganggu ketika membuat pertimbangan dan keputusan berhubung perkara tersebut. Amalan ini boleh menjurus ke arah penyalahgunaan kuasa yang boleh menjejaskan imej dan integriti TEKUN.
- 1.2. Sehubungan itu, TEKUN mengeluarkan satu **Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan TEKUN Nasional** untuk diguna pakai oleh warga kerja TEKUN dalam mengambil tindakan ke atas sesuatu perkara yang disokong oleh pihak tertentu. Ia juga adalah bagi memastikan penyampaian perkhidmatan TEKUN lebih cekap, telus dan profesional tanpa campur tangan daripada pihak-pihak yang berkepentingan serta berpandukan undang-undang, peraturan atau garis panduan yang sedang berkuatkuasa.

2.0. OBJEKTIF

- 2.1. Polisi ini dibangunkan untuk:
- i. menerangkan kepada warga kerja TEKUN mengenai tindakan yang perlu dilaksanakan ke atas pengaruh luar dan surat sokongan yang diterima daripada pemimpin kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana orang mengenai sesuatu urusan TEKUN.
 - ii. memastikan penyampaian perkhidmatan TEKUN dapat dilaksanakan dengan telus dan profesional tanpa melibatkan campur tangan daripada pihak-pihak yang berkepentingan.

DISAHKAN UNTUK EDARAN

Tarikh Daftar 02/12/2022

Tarikh Edaran 02/12/2022

JAB. SISTEM & KAEDAH TEKUN



- iii. membendung isu-isu pertimbangan dan kelulusan dalam urusan TEKUN seperti kelulusan yang tidak wajar, penilaian tidak adil atau keputusan yang memihak.

3.0. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja TEKUN Nasional. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh Ahli Lembaga Amanah TEKUN Nasional, Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh, pihak berkepentingan, syarikat pembekal, usahawan ataupun mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan warga kerja TEKUN / menggunakan fasiliti TEKUN.

4.0. TAKRIFAN

4.1. Dalam konteks Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan TEKUN Nasional ini, perkataan di bawah membawa maksud seperti yang berikut:

i. **Pengaruh luar**

apa-apa bentuk tekanan / desakan daripada pihak yang tidak berkenaan sama ada secara lisan, bukan lisan atau dengan apa-apa cara lain daripada Pemimpin Kerajaan atau Individu Berpengaruh ke atas warga TEKUN dengan tujuan menyokong sesuatu urusan atau mempengaruhi sesuatu pertimbangan keputusan;

ii. **Surat sokongan**

apa-apa komunikasi yang disampaikan sama ada secara bertulis atau lisan termasuk dalam bentuk surat, memo, minit, e-mel, khidmat pesanan ringkas (SMS), *WhatsApp*, percakapan mulut, panggilan telefon atau melalui apa-apa cara lain yang bertujuan menyokong sesuatu urusan atau mempengaruhi sesuatu pertimbangan keputusan;

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	02/12/2022
Tarikh Edaran	02/12/2022
JAB. SISTEM & KAEDAH TEKUN	



- iii. **Pemimpin Kerajaan**
merujuk kepada tafsiran “Anggota Pentadbiran” di bawah Fasal (2), Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri;
- iv. **Individu berpengaruh**
individu yang mempunyai kedudukan dalam Kerajaan atau hubungan dengan pihak berkuasa, orang kenamaan, ahli politik dan lain-lain;
- v. **Warga kerja TEKUN**
seseorang yang bekerja dengan TEKUN Nasional secara tetap, sementara, kontrak atau pinjaman;
- vi. **Pihak ketiga**
Kontraktor, pembekal, organisasi, persatuan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau mana-mana pihak termasuk individu perseorangan yang berurusan dengan TEKUN;
- vii. **Urusan TEKUN Nasional**
apa-apa urusan rasmi TEKUN seperti perolehan, pengurusan sumber manusia, permohonan pembiayaan dan lain-lain hal berkaitan perkhidmatan dengan TEKUN;

5.0. PERNYATAAN DASAR

- 5.1. TEKUN sentiasa bersedia memberikan komitmen yang penuh dalam memastikan integriti, tadbir urus yang baik dan ketelusan sentiasa menjadi keutamaan dalam apa jua urusan TEKUN.
- 5.2. Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, semua warga TEKUN adalah **dilarang** untuk:

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	02/12/2022
Tarikh Edaran	02/12/2022
JAB. SISTEM & KAEDAH TEKUN	



- i. membawa atau cuba membawa pengaruh luar atau mengemukakan apa-apa surat sokongan daripada mana-mana Pemimpin Kerajaan dan Individu Berpengaruh bagi menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan sesuatu keputusan; dan
- ii. menggunakan pengaruh luar atau surat sokongan sebagai asas pertimbangan atau arahan daripada Pemimpin Kerajaan dan Individu Berpengaruh dalam membuat sesuatu keputusan.

6.0. PELAKSANAAN POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN TEKUN NASIONAL

6.1. Bagi memudahkan warga kerja TEKUN mengambil tindakan ke atas pengaruh luar dan surat sokongan yang diterima daripada pemimpin kerajaan, individu berpegaruh dan mana-mana orang, panduan berikut hendaklah dipatuhi:

- i. sekiranya sokongan diterima secara bertulis, dokumen hendaklah difailkan dalam fail yang berkaitan. Sekiranya sokongan diterima secara lisan, warga kerja TEKUN hendaklah mencatatkan komunikasi tersebut secara bertulis dalam helaian minit fail yang berkaitan berserta maklumat pihak yang memberi sokongan, tarikh dan bentuk sokongan yang diterima;
- ii. warga kerja TEKUN hendaklah dengan segera melaporkan secara bertulis sokongan yang diterima kepada Ketua Jabatan atau Ketua Pegawai Integriti untuk mendapatkan arahan atau tindakan selanjutnya;
- iii. sekiranya atas apa-apa sebab tertentu atau tidak praktikal untuk membuat laporan kepada Ketua Jabatan, maka warga kerja TEKUN yang menerima sokongan tersebut hendaklah melaporkan kepada jabatan yang berkenaan, misalnya perkara berkaitan sumber

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	02 / 12 / 2022
Tarikh Edaran	02 / 12 / 2022
JAB. SISTEM & KAEDAH TEKUN	



manusia hendaklah dilaporkan kepada Jabatan Sumber Manusia, perkara berkaitan pembiayaan kepada Jabatan Pengurusan Pembiayaan atau perkara berkaitan rasuah dan salah guna kuasa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

- iv. contoh-contoh komunikasi / perakuan sokongan adalah seperti berikut:
 "sila pertimbangkan", "disokong", "saya tiada halangan", "diluluskan" dan sebagainya;
- v. perakuan-perakuan sokongan yang diterima tidak boleh sama sekali digunakan sebagai asas, merit atau kelayakan dalam mempertimbangkan sesuatu keputusan. Sebaliknya warga kerja TEKUN hendaklah sentiasa bertindak berdasarkan peruntukan undang-undang, prosedur dan peraturan TEKUN Nasional yang sedang berkuatkuasa.

6.2. Carta Alir Prosedur Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan adalah seperti diterangkan di Lampiran I.

7.0. PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN OLEH ANGGOTA PENTADBIRAN DAN PEMIMPIN KERAJAAN

7.1. Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (inisiatif 1.3.1) - Melarang Anggota Pentadbiran atau Individu Berpengaruh daripada mengeluarkan surat sokongan ke atas mana-mana permohonan atau projek. Oleh itu, semua Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk tidak lagi menerima surat sokongan sebagai arahan atau keputusan daripada Anggota Pentadbiran atau Individu Berpengaruh.

7.2. Kod Etika bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen yang dikeluarkan pada Disember 2018 menetapkan bahawa Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen **hendaklah memastikan tidak berlaku percanggahan kepentingan** antara jawatan awamnya dan kepentingan peribadinya.

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	02/12/2022
Tarikh Edaran	02/12/2022
A.B. SISTEM & KAEDAH TEKUN	



Percanggahan kepentingan boleh berlaku akibat pengaruh dan kuasa yang ada pada Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen selaku Kerajaan.

- 7.3. Sehubungan itu, Anggota Pentadbiran dan Pemimpin Kerajaan **hendaklah mengelakkan daripada menggunakan jawatan** untuk mengenakan apa-apa tekanan ataupun mengeluarkan apa-apa surat sokongan bagi maksud menyokong apa-apa permohonan atau tuntutan yang mempengaruhi apa-apa keputusan yang dibuat oleh warga kerja TEKUN Nasional.

8.0. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

**Ketua Pegawai Integriti
TEKUN Nasional
Menara 5, Lingkaran Maju,
Jalan Lingkaran Tengah 2,
Bandar Tasik Selatan,
57000 Kuala Lumpur.**

Nombor telefon: 03-9059 8844

Emel: integriti@tekun.gov.my

9.0. PEMATUHAN

- 9.1. Kegagalan atau keengganan warga kerja TEKUN mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Manual Pentadbiran dan Sumber Manusia TEKUN Nasional.

- 9.2. Pelanggaran Polisi ini oleh pihak ketiga akan dimaklumkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	02/12/2022
Tarikh Edaran	02/12/2022
JAB. SISTEM & KAEDAH TEKUN	



Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana organisasi berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

10.0. TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan Polisi Pengaruh Luar dan Surat Sokongan TEKUN Nasional berkuatkuasa mulai tarikh polisi ini dikeluarkan.

11.0. PENUTUP


Pelaksanaan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan ini mencerminkan komitmen TEKUN Nasional dalam menerapkan nilai integriti yang tinggi serta mempraktikkan amalan terbaik dalam semua aspek penyampaian perkhidmatan TEKUN Nasional selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional 2019–2023. Adalah diharapkan melalui Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan ini, warga kerja TEKUN dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih telus dan berintegriti.

Disediakan oleh	Disemak oleh	Diluluskan oleh
 Nama: Jalilah binti Che Bidin Jawatan: Timbalan Ketua Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko Tarikh: 2/12/2022	 Nama: Mohamad Razman bin Razak Jawatan: Ketua Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko Tarikh: 2/12/2022	 Nama: Roshaimi bin Harun Jawatan: Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan dan Korporat Tarikh: 2/12/2022.

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN TEKUN NASIONAL
Tarikh Edaran	02/12/2022
JAB. SISTEM & KAEDAH TEKUN	



LAMPIRAN 1



* Laporan dibuat atas sebab-sebab tertentu atau tidak praktikal laporan dibuat kepada Ketua Jabatan

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	02/12/2022
Tarikh Edaran	02/12/2022
JAB. SISTEM & KAEDAH TEKUN	

